



جمعيت العلماء ومدرسي الدين الاسلامي سنغافورة

Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

UNTUK LAPORAN MEDIA

27 Januari 2021

RESPON PERGAS BAGI PERANCANGAN PEMBUNUHAN DI MASJID SINGAPURA DAN PANDUAN AGAMA BAGI PERKARA BERKENAAN

Merujuk kepada perancangan pembunuhan oleh seorang remaja lelaki berusia 16 tahun dan beragama Kristian di dua masjid Singapura yang dilaporkan oleh media aliran utama tempatan pada 27 Januari 2021.

2 Pergas amat prihatin dan memandang berat akan hal ini. Segala bentuk radikal, kezaliman serta penindasan dari mana-mana pihak tidak boleh diterima. Ia tidak bertepatan dengan ajaran agama Islam, Kristian serta agama-agama lain yang menyemai keamanan dan keharmonian. Malah ia bertentangan dengan nilai-nilai sejagat yang memelihara kehormatan manusia dan menyebarkan kebaikan tanpa mengira bangsa dan agama. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Ma'idah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Ertinya: Dan hendaklah kamu saling membantu satu sama lain dalam membuat kebajikan dan ketakwaan, dan janganlah kamu saling membantu dalam melakukan dosa dan permusuhan. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Berat azab siksanYa (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Di dalam Islam, Allah s.w.t. juga berfirman di dalam surah al-Hajj ayat 40 yang melarang manusia dari memusnahkan masjid, gereja, kuil mahupun tempat penyembahan agama lain:

وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَّهَدَمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ
كَثِيرًا ۗ وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ۝٤٠

Ertinya: Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang, dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut banyak nama Allah padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya (agama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

3 Dengan itu, Pergas menyeru masyarakat Islam Singapura agar bertenang dalam menghadapi isu sebegini. Pergas yakin masyarakat Islam mampu bersikap matang dalam memberi respon, kerana kita pernah menghadapi isu yang serupa sebelum ini. Malah Pergas menggalakkan masyarakat Islam Singapura agar meneladani dan mencerminkan akhlak Rasulullah s.a.w. yang sering memilih kedamaian dan keharmonian walaupun Baginda s.a.w. ditindas. Rasulullah s.a.w. juga mengajar umatnya agar menolak keburukan dan penghinaan dengan kebaikan kerana kelembutan mampu melembutkan kekasaran. Akhlak Baginda s.a.w. ini adalah cerminan dari arahan Allah s.w.t. di dalam surah al-Fussilat ayat 34:

وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ۗ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ
حَمِيمٌ ۝٣٤

Ertinya: Dan tidaklah sama (kesan dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila kamu berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

4 Akhir sekali, keganasan tidak mengenal agama. Ia wujud di kalangan pengikut setiap agama walaupun semua agama memupuk kedamaian. Ia adalah cabaran kita bersama. Dengan itu, Pergas ingin menyatakan kesediaannya untuk berkongsi bersama agama lain tentang pengalaman Pergas bersama Kumpulan Rehabilitasi Keagamaan (RRG) dan Skim Pengiktirafahan Asatizah (ARS) yang dikendalikan

bersama Muis dalam membantu menangani kegiatan ekstremis pihak-pihak lain. Kita perlu bersatu sebagai masyarakat Singapura dalam memerangi keganasan, serta mengajak saudara senegara turut bersabar dengannya agar sama-sama meraih manfaatnya. Kita juga perlu meneruskan usaha menyemai sikap saling memahami di antara agama dan bangsa. Semoga Allah s.w.t memelihara kedamaian dan keamanan yang dinikmati oleh masyarakat Singapura.

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)